

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

A. Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian, iaitu apakah area polisi yang perlu ditangani untuk mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan dalam sekolah bestari Malaysia? Area proses pengajaran dan pembelajaran dipilih bagi mewakili kefahaman yang ditunjukkan oleh dokumen Sekolah Bestari Malaysia. Persoalan yang akan dianalisis ialah :

Tiga kategori bagi area proses pengajaran dan pembelajaran dibentuk dengan pembahagian perincian aspek yang relevan. Justeru, dapatan kajian adalah berdasarkan soalan kajian yang berfokuskan kategori dengan perincian aspek-aspek berikut :

1. Teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia.

- (a) Definisi pelbagai kecerdasan.
- (b) Penggunaan istilah pelbagai kecerdasan.

Kategori ini mengemukakan soalan tentang apakah kenyataan tentang teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia mencerminkan kefahaman yang mendalam? Kefahaman pengertian teori pelbagai kecerdasan ditentukan dengan pernyataan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang definisi, dan penggunaan istilah pelbagai kecerdasan.

2. Struktur pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia.

- (a) Penekanan pengajaran dan pembelajaran
- (b) Gaya pembelajaran

Kategori ini mengemukakan soalan tentang apakah huraihan struktur kurikulum berasaskan teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia mencerminkan kefahaman yang mendalam? Kefahaman struktur kurikulum berasaskan teori pelbagai kecerdasan ditentukan dengan huraihan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang penekanan pengajaran dan pembelajaran, dan gaya pembelajaran.

3. Aplikasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia.

- (a) Bentuk aplikasi pengajaran dan pembelajaran.
- (b) Syarat aplikasi pengajaran dan pembelajaran.

Kategori ini mengemukakan soalan tentang apakah panduan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia mencerminkan kefahaman yang mendalam? Kefahaman aplikasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan ditentukan dengan panduan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang bentuk, syarat dan contoh aplikasi pengajaran dan pembelajaran.

Kefahaman tentang aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia yang membawa implikasi polisi dicerminkan melalui tafsiran dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia dalam petunjuk kategori iaitu, kenyataan, huraian dan panduan berkaitan.

B. Analisis Kenyataan Dikategorikan Sebagai Kefahaman Yang Merujuk Kepada Teori Pelbagai Kecerdasan.

Rajah 2

Penggunaan Istilah Pelbagai Kecerdasan Sebagai Istilah Langsung Mengikut Konteks dan Makna

Penggunaan Istilah	Konteks	Makna
Pelbagai Kecerdasan	Sebagai instrumen di bawah skop aptitud (Dokumen 2 : 49)	Mencakupi ciri holistik dalam Pentaksiran Bestari.
	Dikhususkan kepada kategori Pentaksiran Pusat. Tidak dinyatakan dalam Pentaksiran Bilik Darjah dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. (Dokumen 2 : 18)	Mentaksir intelek aptitud berdasarkan pelbagai kecerdasan individu.

Rajah 3

Penggunaan Istilah Kecerdasan-Kecerdasan Berbeza Sebagai Istilah Tidak Langsung Mengikut Konteks dan Makna

Penggunaan Istilah	Konteks	Makna
Kecerdasan-Kecerdasan Berbeza	Strategi generatif (Dokumen 1 : 42)	Strategi membantu pelajar bagaimana belajar untuk bertindak dalam situasi yang sesuai dan menggunakan kecerdasan-kecerdasan yang berbeza.

Rajah 4

Penggunaan Istilah Semua Jenis Kecerdasan Manusia Sebagai Istilah Tidak Langsung Mengikut Konteks dan Makna

Penggunaan Istilah	Konteks	Makna
Semua Jenis Kecerdasan Manusia	Salah satu visi Kurikulum Sekolah Bestari Malaysia, iaitu visi holistik (Dokumen 1 : 28)	Penekanan kepada semua aspek pertumbuhan dan semua jenis kecerdasan manusia, bagi membantu pelajar melihat pertalian antara subjek berasingan.

Jadual 5

Penggunaan Istilah Gaya Pembelajaran Sebagai Istilah Dominan Mengikut Konteks dan Makna

Penggunaan Istilah	Konteks	Makna
Gaya Pembelajaran	Strategi Bersepadu dalam konteks Pendemokrasian Pendidikan (Dokumen 1 : 10)	Menawarkan aksesan saksama dari segi peluang pembelajaran dan menampung kebolehan, gaya dan kadar pembelajaran yang berbeza.
	Salah satu matlamat dan strategi (Dokumen 1 : 23)	
	Pedagogi (Dokumen 1 :11)	Menyesuaikan gaya pembelajaran individu yang berlainan supaya dapat mempertingkatkan prestasi.
	Pendekatan Berpusatkan Pelajar (Dokumen 1 : 39)	Ciri yang membenarkan perbezaan individu dari segi gaya pembelajaran untuk merangsang prestasi pelajar.
	Cadangan Penyelidikan (Dokumen 1 :46)	Kebanyakan pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tidak sesuai dengan persekitaran bilik darjah tradisional.
	Mentaksir Kesediaan (Dokumen 2 : 24)	Ibu bapa memberi maklumat profil gaya pembelajaran untuk guru mentakbir ujian penempatan.
	yang Satu pendidikan merangsangkan pemikiran, daya kreatif dan sifat penyayang di kalangan pelajar, sesuai dengan kebolehan dan gaya pembelajaran individu serta berdasarkan taksiran yang lebih saksama. (Dokumen 1 : 9)	Perubahan budaya dan amalan di sekolah sesuai dengan gaya pembelajaran individu dan tanggungjawab semua pihak.

Tiada kenyataan tentang definisi teori pelbagai kecerdasan didokumenkan tetapi terdapat kenyataan tentang penggunaan istilah yang membawa pengertian penekanan kepada teori pelbagai kecerdasan. Istilah pelbagai kecerdasan cuma terdapat dalam dokumen 2 yang dikira sebagai istilah langsung, istilah kecerdasan-kecerdasan berbeza dan semua jenis kecerdasan manusia terdapat di dokumen 1 dikira sebagai istilah tidak langsung, manakala istilah gaya pembelajaran terdapat dikedua-dua dokumen berkaitan, merupakan penggunaan istilah dominan bagi menggambarkan teori pelbagai kecerdasan.

Walaupun tiada definisi teori pelbagai kecerdasan namun kenyataan tentang teori pelbagai kecerdasan ini melalui penggunaan istilah-istilah di atas, cakupan konteksnya melibatkan salah satu visi kurikulum sekolah bestari iaitu visi holistik, salah satu matlamat dan strategi khususnya strategi bersepada dalam konteks pendemokrasian pendidikan, pedagogi dengan pendekatan berpusatkan pelajar, pendidikan yang merangsangkan pemikiran, daya kreatif dan sifat penyayang di kalangan pelajar, strategi generatif, instrumen skop pentaksiran aptitud, pengkhususan pentaksiran pusat, mentaksir kesediaan dan juga cadangan kebanyakan penyelidikan berkaitan, telah mengiktiraf teori pelbagai kecerdasan sebagai pencetus potensi manusia dalam Sekolah Bestari Malaysia.

Secara tidak langsung juga penerangan tentang Item Bank Komprehensif di bawah ciri teknologi memuatkan item pentaksiran berpotensi yang boleh

digunakan merentas mata pelajaran. Perkaitannya dengan teori pelbagai kecerdasan ialah kenyataan bahawa "Each of these assessment items will be coded on predetermined characteristics and by its statistical data which shall include data on academic levels, subjects, content area within the curriculum framework, learning elements, assessment criteria, and levels of difficulty." (Dokumen 2: 39). Aplikasinya dinyatakan merangkumi pentaksiran pusat dan pentaksiran berdasarkan sekolah. Ini membawa makna bahawa teori pelbagai kecerdasan yang dikhususkan untuk pentaksiran pusat, juga diaplikasikan pada pentaksiran berdasarkan sekolah.

C. Analisis Huraian dikategorikan sebagai kefahaman yang merujuk kepada struktur kurikulum berdasarkan teori pelbagai kecerdasan.

1. Penekanan Pengajaran dan Pembelajaran

Tafsiran huraian dokumen Kementerian Pendidikan dalam pelbagai konteks bagi menyokong penekanan pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari Malaysia. Baik secara makro dan mikro, antaranya ialah dalam konteks aplikasi perdana koridor raya multimedia, tujuan projek Sekolah Bestari, landasan Sekolah Bestari, gambaran Sekolah Bestari, tunjang Sekolah Bestari, pengiktirafan potensi, tunjang pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari seperti perincian berikut :

Tiga intipati penekanan bagi mencapai tahap negara maju secepat mungkin dalam konteks aplikasi perdana koridor raya multimedia, ialah (a) Kebolehan menghantar informasi dengan pantas dan dalam kuantiti yang besar dalam

digunakan merentas mata pelajaran. Perkaitannya dengan teori pelbagai kecerdasan ialah kenyataan bahawa "Each of these assessment items will be coded on predetermined characteristics and by its statistical data which shall include data on academic levels, subjects, content area within the curriculum framework, learning elements, assessment criteria, and levels of difficulty." (Dokumen 2: 39). Aplikasinya dinyatakan merangkumi pentaksiran pusat dan pentaksiran berdasarkan sekolah. Ini membawa makna bahawa teori pelbagai kecerdasan yang dikhususkan untuk pentaksiran pusat, juga diaplikasikan pada pentaksiran berdasarkan sekolah.

C. Analisis Huraian dikategorikan sebagai kefahaman yang merujuk kepada struktur kurikulum berdasarkan teori pelbagai kecerdasan.

1. Penekanan Pengajaran dan Pembelajaran

Tafsiran huraian dokumen Kementerian Pendidikan dalam pelbagai konteks bagi menyokong penekanan pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari Malaysia. Baik secara makro dan mikro, antaranya ialah dalam konteks aplikasi perdana koridor raya multimedia, tujuan projek Sekolah Bestari, landasan Sekolah Bestari, gambaran Sekolah Bestari, tunjang Sekolah Bestari, pengiktirafan potensi, tunjang pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari seperti perincian berikut :

Tiga intipati penekanan bagi mencapai tahap negara maju secepat mungkin dalam konteks aplikasi perdana koridor raya multimedia, ialah (a) Kebolehan menghantar informasi dengan pantas dan dalam kuantiti yang besar dalam

bentuk visual, teks, dan audio. (b) Pusat teknologi dan telekomunikasi serantau dan antarabangsa tahun 2020. (c) Menggerakkan pemindahan teknologi, menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan baru yang inovatif.

Projek Sekolah Bestari diperkenalkan dengan tujuan (a) Melahirkan lepasan sekolah yang mampu menangani cabaran kehidupan dalam era teknologi maklumat di abad ke-21. (b) Melahirkan pekerja ilmuan bagi industri teknologi tinggi di Malaysia. (c) Menyokong usaha negara untuk mencapai dan mengekalkan daya saing dengan negara-negara maju.

Tiga landasan Sekolah Bestari Malaysia, ialah (a) Sistem pendidikan bestari yang akan membekalkan tenaga kerja berilmu untuk koridor raya multimedia. (b) Mengurangkan keperluan modal, bangunan, pekerja dalam membangunkan industri golongan teknoprenurs. (c) Mementingkan daya fikir dan kebolehan menghasilkan produk inovatif yang mempunyai nilai tambah.

Sekolah Bestari Malaysia diberi tiga gambaran seperti berikut , iaitu (a) Sekolah Bestari adalah sekolah yang menggalakkan pelajar berdikari dalam memperoleh pengetahuan. Pelajar disediakan peluang untuk belajar mengikut kadar pembelajaran sendiri serta meneroka bidang ilmu baru yang diminati dengan sendiri. Dengan ini, pelajar akan dapat memaksimumkan potensi mereka ke tahap cemerlang. (b) Sekolah Bestari menggunakan teknologi sebagai alat untuk meningkatkan pembelajaran dalam bidang sains dan teknologi bagi menyediakan pelajar yang cekap dalam teknologi maklumat bagi menghadapi

cabaran era teknologi maklumat. (c) Sekolah Bestari membina budaya ilmu, dan membentuk pelajar-pelajar untuk berdaya fikir kritis, kreatif dan bersifat penyanyang.

Empat tunjang Sekolah Bestari ialah (a) Berdaya Fikir. (b) Bersifat Global. (c) Berakhhlak Mulia. (c) Berliterasi Teknologi Maklumat.

Sekolah Bestari memberi pengiktirafan potensi dengan tujuan (a) Memperkembangkan bakat tersendiri pelajar. (b) Mendidik generasi berbakat cemerlang. (c) Mencapai tahap daya bersaing dengan negara-negara maju.

Tiga tunjang utama ditekankan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bestari, iaitu (a) Akses Kendiri. (b) Kadar Kendiri. (c) Terarah Kendiri.

Menjurus konteks makro dan mikro ini, aspek budaya berdaya fikir merupakan salah satu penekanan dan tekal. Dalam konteks ini letaknya aplikasi teori pelbagai kecerdasan yang boleh memainkan peranan khususnya perspektif perubahan sistemik dalam Sekolah Bestari Malaysia. Projek Sekolah Bestari Malaysia dianggap gagal sekiranya perubahan sistemik tidak terhasil di sekolah. Maksud perubahan sistemik dalam budaya sekolah ialah daripada mementingkan fakta dan peperiksaan kepada budaya berdaya fikir dan kreatif.

segi kognitif dan memberangsangkan pelajar hasil gabungan bahan, guru, rangkaian, dan perkakas kursus yang terbaik.

Justeru,uraian dokumen-dokumen berkaitan telah menyediakan set persekitaran yang cukup baik bagi mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

Huraian tentang pendekatan Pengajaran dan pembelajaran dalam Sekolah Bestari menekankan aspek berfikir atau lebih dikenali sebagai fikriah atau 'thoughtful' melalui pembinaan dan peningkatan minda. Ianya lebih berpusatkan kepada pelajar, terarah kendiri, mengikut tahap keupayaan individu, berkesinambungan dan reflektif melalui kurikulum yang fleksibel dan terbuka. Penekanan pendekatan ini lebih dikenali sebagai tiga tunjang utama iaitu (a) Akses Kendiri; (b) Kadar Kendiri, dan (c) Terarah Kendiri.

Aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam tunjang akses kendiri menyumbang dalam kebolehan mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber. Kadar kendiri, menyumbang dari segi kelajuan atau kebolehan kemahiran dan maju dalam penguasaan sesuatu mata pelajaran. Terarah kendiri mampu meneroka tajuk yang diminati tanpa kongkongan, bergerak maju dan memperoleh maklumat dalam pelbagai bentuk kemudahan yang ia boleh fikirkan. Sokongan reka bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran yang mengutamakan pengiktirafan potensi seiring dengan penekanan kepada cara bagaimana untuk merealisasikan kebolehan dan potensi pelajar.

2. Gaya Pembelajaran

Huraian tentang gaya pembelajaran dalam dokumen-dokumen Sekolah Bestari begitu dominan. Antaranya ialah dalam konteks strategi bersepadau, di bawah pendemokrasian pendidikan, teori pelbagai kecerdasan dijelmakan melalui pelbagai gaya pembelajaran paling sesuai mengikut tahap keupayaan, kebolehan dan keperluan pelajar. Konteks ini bertujuan untuk menyediakan pelajar di era maklumat. Ianya selari dengan penekanan pendekatan tiga tunjang iaitu akses kendiri, kadar kendiri dan terarah kendiri. Justeru, pelajar mempunyai tanggungjawab yang lebih di samping penyertaan ibu bapa dan komuniti yang lebih besar, bagi menjayakan proses pendemokrasian pendidikan.

Dalam bahagian pedagogi, gaya pembelajaran dihuraikan dengan peranan supaya mempertingkatkan prestasi pelajar. Dalam hal ini, gaya pembelajaran perlu dilihat dalam perspektif yang luas mencakupi bukan sahaja gaya kognitif tetapi juga "learning modalities". Hakikat ini berdasarkan Semple iaitu gaya kognitif melihat hanya satu elemen gaya dengan dua ekstrem manakala gaya pembelajaran mengandungi banyak elemen dan biasanya tidak ekstrem atau sebaliknya. Dalam konteks Sekolah Bestari, gaya pembelajaran perlu diperluaskan konteks kefahamannya agar elemen-elemen yang relevan dapat dimanfaatkan dalam bentuk inventori, petunjuk atau penanda gaya pembelajaran. Contohnya elemen Introversi-Ekstraversi, Pemikiran-Perasaan, Intuisi-Inderaan, Adili-Mengerti, Penumpu, Pecapah, Asimilator, Akomodator, Susunan Konkrit, Rawak Abstrak Susunan Abstrak, Rawak Konkrit, Mengelak,

Menyertai, Bebas, Terkawal, Muafakat Bersaing. Elemen-elemen ini tidak diterangkan dalam huraian dokumen-dokumen Bestari bagi menyokong peluasan maksud gaya pembelajaran mencakupi teori pelbagai kecerdasan.

Pegangan ini penting dalam menjelaskan bahawa formula pedagogi berasaskan teori Gardner tidak rigid. Apa yang paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran kesepadan semua aspek pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kandungan. Bagi mengatasi amalan berasaskan pelbagai kecerdasan, guru boleh berpasukan sesama rakan sejawat yang memungkinkan usaha mempertingkatkan opsyen pembelajaran kedua-dua pelajar dan guru.

Dengan tiadanya huraian bagi menggambarkan peri pentingnya gaya pembelajaran yang dominan pula dari segi penggunaan istilahnya dalam dokumen-dokumen berkaitan mengakibatkan kekeliruan aplikasi boleh berlaku dalam Sekolah Bestari Malaysia. Perlu dijelaskan bahawa penanda-penanda gaya pembelajaran di atas mempunyai kegunaan yang pelbagai seperti mengenal pasti gaya pembelajaran pilihan, sebagai petunjuk kecerdasan umum atau beberapa kebolehan spesifik, dan penanda-penanda tertentu pula boleh digunakan untuk mengukur sikap murid terhadap mod pengajaran dan pembelajaran seperti projek, latih tubi dan bacaan, pengajaran rakan sebaya, perbincangan, permainan pengajaran, belajar bebas, pengajaran dan pembelajaran berprogram, syarahan dan simulasi. Dengan mengetahui kegunaan penanda-penanda gaya pembelajaran ini, pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari Malaysia dapat dioperasikan sebaik mungkin.

D. Analisis Panduan Dikategorikan Sebagai Kefahaman Yang Merujuk Kepada Aplikasi Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Teori Pelbagai Kecerdasan.

1. Bentuk Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran

Bentuk aplikasi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori pelbagai kecerdasan perlu disepadankan dengan saranan pedagogi dalam dokumen Sekolah Bestari. Acuan yang disyorkan berbentuk (a) Berpusatkan Pelajar, (b) Kaedah Pengajaran Inovatif, (c) Adunan Strategi Pembelajaran yang Sesuai, (d) Kesepadan Persekutaran Bilik Darjah dengan Strategi Pembelajaran, (e) Penggabungan Kemahiran Berfikir Tahap Tinggi dan Nilai dalam Bilik Darjah, (f) Memelihara Keghairahan pelajar Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat, dan (g) Keperluan Mengurus Pelbagai Kemahiran, Kebolehan, dan Tahap Keghairahan dalam Setiap Kumpulan Pelajar.

(a) Berpusatkan Pelajar

Ciri yang ditonjolkan ialah :

- Pengaplikasian berbentuk adunan strategi pembelajaran bagi memastikan penguasaan kecekapan asas dan menggalakkan perkembangan menyeluruh dengan tumpuan kepada :
 - (i) Menggalakkan aktiviti pembelajaran untuk merangsang daya kreatif dan pengeksperimenan dengan mata pelajaran yang tidak bergantung pada kandungan sambil mengekalkan kerapian yang mencukupi dalam mata pelajaran yang bergantung pada kandungan.

(ii) Arah aliran aktiviti pembelajaran dengan peningkatan umur dan kematangan.

- Pengaplikasian berbentuk penampungan perbezaan individu dari segi gaya pembelajaran untuk merangsang prestasi pelajar.
- Pengaplikasian berbentuk keserasian suasana bilik darjah dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berlainan.

(b) Menggalakkan Penggunaan Kaedah Pengajaran yang Inovatif

Kaedah ini mengambil kira pelbagai pengalaman pembelajaran, seperti melibatkan proses, mod dan tugas. Prosesnya melibatkan matlamat pembelajaran yang spesifik dengan (a) proses pembelajaran aktif; (b) berterusan; dan (c) bersifat peribadi. Mod dengan (a) bersendirian, berpasangan atau berpasukan; (b) pakar, fasilitator, dan sumber bukan manusia; (c) tempat dalam komuniti; simulasi multimedia berdasarkan komputer; makmal pembelajaran guna tangan; bilik mesyuarat atau perpustakaan. Tugasan dengan (a) tuntas; selalunya dalam persekitaran hidup yang sebenar; cabaran dunia yang sebenar; (b) antardisiplin mengambil kira pengetahuan khusus, dan kemahiran am seperti pemindahan maklumat merentasi latar, perundingan dan jkmahiran antarpersonal, dan kemahiran membuat keputusan; (c) penguasaan tugasan sebelum bergerak ke tugasan seterusnya; (d) pentaksiran penguasaan prestasi berkala; (e) lebih bertanggungjawab terhadap pelajar untuk mengarahkan dan menguruskan pembelajaran sendiri.

(c) Adunan Strategi Pembelajaran yang Sesuai

Adunan ini bertujuan bagi memastikan kecekapan asas dan menggalakkan perkembangan menyeluruh. Oleh kerana banyak faktor pembezaan yang terlibat, maka peranan penentuan, pengembangan, pemilihan, saranan kena disesuaikan oleh kedua-dua guru dan pelajar sama ada berpusatkan guru sepenuhnya hingga berpusatkan pelajar sepenuhnya. Alternatif lain ialah guru sebagai mentor atau model, dan guru sebagai jurulatih atau fasilitator. Faktor pembezaan mencakupi pengembangan objektif pembelajaran, penentuan tugas pembelajaran, dan pemilihan sumber untuk tugasan.

Bentuk aplikasi tertakluk kepada konteks tertentu. Konteks umum ialah melihat kemungkinan-kemungkinan generik yang boleh digunakan secara merentas dan menyeluruh manakala konteks khusus ialah memberi fokus kepada kekuatan tertentu untuk mendapatkan kesan semaksimum mungkin. Dalam hubungan konteks khusus ini ialah memberi fokus kepada kekuatan teori pelbagai kecerdasan dalam sekolah bestari Malaysia. Kedua-dua konteks ini penting dalam menggambarkan kesesuaian aplikasi secara menyeluruh. Penekanan diberi kepada konteks khusus iaitu bentuk aplikasi yang relevan bagi teori pelbagai kecerdasan dalam sekolah bestari Malaysia

(d) Kesepadanan Persekutaran Bilik Darjah dengan Strategi Pembelajaran

Kesepadanan ini penting dalam menggambarkan kesepadanan antara peranan guru dan pelajar dengan strategi pembelajaran. Teori pelbagai kecerdasan boleh merentas pelbagai strategi yang dicadangkan iaitu (a) strategi Berarah, (b) Strategi Pemerhatian, (c) Strategi Mediatif, (d) Strategi Generatif, (e) Strategi Kolaboratif, (f) Strategi Pembelajaran Luar Konteks, dan Strategi Pembelajaran Metakognitif. Ia tidak terhad kepada kenyataan yang menekankan strategi generatif sahaja.

(e) Penggabungan Kemahiran Berfikir Tahap Tinggi dan Nilai dalam Bilik Darjah

Kemahiran berfikir dan nilai boleh diajar dalam pelbagai mata pelajar daripada umur seawal mungkin. Apabila pelajar semakin membesar dengan keleksibatan persekitaran bilik darjah mencakupi pelbagai bentuk aplikasi di atas, memungkinkan aplikasi lanjutan tentang nilai dan kemahiran menjadi sebahagian daripada persekitaran. Kemahiran berfikir tahap tinggi dan penekanan terhadap perbincangan serta pengukuhan nilai sepatutnya berlaku. Mekanisme ini mementingkan pengawalan pelajar dengan meningkatnya umur dan kematangan.

(f) Memelihara Keghairahan pelajar Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pelajar yang diberi kawalan yang lebih terhadap pendidikan, memungkinkan mereka mempunyai minat yang berterusan. Persekutaran dan kesepadanannya

dengan penggabungan pelbagai elemen boleh membantu mengekalkan keghairahan pelajar. Dalam konteks ini strategi yang sesuai tertakluk kepada mata pelajaran yang "bergantung kepada kandungan" dengan yang "tidak bergantung kepada kandungan".

(g) Keperluan Mengurus Pelbagai Kemahiran, Kebolehan, dan Tahap Keghairahan dalam Setiap Kumpulan Pelajar

Kebanyakan pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tidak sesuai untuk persekitaran bilik darjah tradisional. Situasi ini melibatkan pilihan berkerja dalam kumpulan; operasi kadar kendiri; perlu bahan tambahan; pembelajaran secara audio, visual dan kinestetik; berkumpulan kecil; suka bergerak; pengaruh cahaya; dan persekitaran tidak formal. Usaha menampung ciri kepelagaian ini melibatkan aneka jenis dan pengalaman pembelajaran. Kefahaman dan penggunaan gaya pembelajaran pelajar boleh membantu dalam keperluan mengurus kepelbagaian motivasi dan kebolehan dalam bilik darjah.

Bentuk tersedia membenarkan kemungkinan-kemungkinan generik dengan gabungan dan adunan pelbagai ciri, kaedah, perkembangan, kesepadan persekitaran, kemahiran berfikir tahap tinggi, nilai, pembelajaran sepanjang hayat, pelbagai kemahiran, kebolehan dan tahap keghairahan pelajar. Dalam konteks aplikasi umum yang berdasarkan teori pelbagai kecerdasan boleh disalurkan melalui keupayaan murid membuat sesuatu seperti menghubung kait; mengisi, memberi dan mentafsir; menghadiri, memperolehi, mewakili dan mengingat semula; membentuk, membentuk semula dan menyusun; bertindak

dengan pengalaman; koleksi kemahiran atau operasi mental; cara; hasilan; dan proses. Rumusannya aplikasi konteks generik ini memperinci kemungkinan-kemungkinan input, proses dan hasilan. Aplikasi konteks ini juga sudah tentu boleh memanfaatkan dalam konteks khusus yang lebih mendalam bergantung kepada tujuan pengajaran dan pembelajaran.

2. Syarat Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran

Aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam sesebuah sekolah khususnya sekolah bestari Malaysia, melibatkan perubahan polisi, prosedur, dan amalan. Dengan menyentuh isu atau area tentang proses pengajaran dan pembelajaran, syarat yang dikemukakan oleh Ellen Weber adalah relevan. Beliau mencatatkan empat syarat perubahan asas yang diperlukan dalam mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan di sekolah, iaitu :

Syarat Pertama : Teori pelbagai kecerdasan mencadangkan bahawa seseorang menggunakan sekurang-kurangnya tujuh kapasiti intelek secara relatif, iaitu satu konsep yang mesti diangkat untuk meminda cara kita melihat kurikulum sekolah.

Pengangkatan martabat konsep ini telah didokumenkan melalui kenyataan penggunaan istilah pelbagai kecerdasan, kecerdasan-kecerdasan berbeza, semua jenis kecerdasan manusia, dan gaya pembelajaran. Walaupun tanpa definisi teori pelbagai kecerdasan, konteks penggunaan istilah tersebut serta makna tersurat dan tersirat menekankan penggunaan tujuh kapasiti intelek

secara relatif. Namun begitu aplikasinya masih di tahap generik memandangkan penumpuan aplikasi khusus memerlukan kefahaman yang mendalam tentang teori pelbagai kecerdasan yang masih tidak dicerminkan dengan jelas dalam dokumen-dokumen Kementerian Pendidikan tentang Sekolah Bestari Malaysia.

Sebagai contoh terdapat Penegasan dalam konteks spesifikasi pentaksiran dinyatakan seperti berikut , iaitu "The specifications and format for the holistic assessment of subjects at school and central level will also be provided and documented" (Dokumen 2 : 36). Secara tidak langsung kenyataan ini terikat kepada teori pelbagai kecerdasan dalam konteks perincian pentaksiran holistik .

Syarat Kedua : Memandangkan pelajar belajar dengan banyak cara yang berbeza, kurikulum sekolah mesti lues atau fleksibel bagi mengakomodasikan minat dan kebolehan pelajar yang berbagai-bagai.

Perspektif ini melibatkan kefahaman tentang gaya pembelajaran yang berasaskan teori pelbagai kecerdasan. Didapati penggunaan gaya pembelajaran telah disalah tanggap dengan penggunaan gaya kognitif. Perspektif ini dijelaskan oleh Semple dengan baik yang boleh dijadikan pegangan dalam mentaksir gaya pembelajaran dalam Sekolah Bestari Malaysia. Dengan memahami status gaya pembelajaran, elemen-elemen yang relevan boleh dijadikan penanda, petunjuk serta inventori kepada gaya pembelajaran yang memberi banyak manfaat dalam pengaplikasian teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

Starat Ketiga : Pentaksiran atau pengaksesan mesti menjadi luas dan lebih berasaskan prestasi, dan kurang bergantung kepada ingatan dan ujian-ujian pendek pensel dan kertas.

Secara tidak langsung juga penerangan tentang Item Bank Komprehensif di bawah ciri teknologi memuatkan item pentaksiran berpotensi yang boleh digunakan merentas mata pelajaran. Perkaitannya dengan teori pelbagai kecerdasan ialah kenyataan bahawa "Each of these assessment items will be coded on predetermined characteristics and by its statistical data which shall include data on academic levels, subjects, content area within the curriculum framework, learning elements, assessment criteria, and levels of difficulty." (Dokumen 2: 39). Aplikasinya dinyatakan merangkumi pentaksiran pusat dan pentaksiran berasaskan sekolah. Ini membawa makna bahawa teori pelbagai kecerdasan yang dikhususkan untuk pentaksiran pusat, juga diaplikasikan pada pentaksiran berasaskan sekolah.

Kepakaan pentaksiran ini juga ditegaskan dalam konteks penekanan pengajaran dan pembelajaran, iaitu Projek Sekolah Bestari Malaysia dianggap gagal sekiranya perubahan sistemik tidak berhasil di sekolah. Maksud perubahan sistemik dalam budaya sekolah ialah daripada mementingkan fakta dan peperiksaan kepada budaya berdaya fikir dan kreatif.

Syarat Keempat : Unit pengajaran dan pembelajaran mesti enjak daripada pemusatkan guru dan kurikulum kotak-katik (disconnected curriculum), ke arah pendekatan lebih bersepadu atau bertema, yang membina pengetahuan terdahulu individu pelajar dalam setiap unit yang diajar, serta mengeksploit pelbagai konfigurasi kebolehan yang didemonstrasikan oleh peserta.

Unit pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan digambarkan melalui huraian dokumen Sekolah Bestari telah menyepadangkan saranan pedagogi dalam bentuk acuan yang disediakan dengan syor-syor seperti (a) Berpusatkan Pelajar, (b) Kaedah Pengajaran Inovatif, (c) Adunan Strategi Pembelajaran yang Sesuai, (d) Kesepadan Persekutaran Bilik Darjah dengan Strategi Pembelajaran, (e) Penggabungan Kemahiran Berfikir Tahap Tinggi dan Nilai dalam Bilik Darjah, (f) Memelihara Keghairahan pelajar Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat, dan (g) Keperluan Mengurus Pelbagai Kemahiran, Kebolehan, dan Tahap Keghairahan dalam Setiap Kumpulan Pelajar. Perincian syor ini menunjukkan bahawa apa yang didokumentkan dalam perspektif ini boleh dikira memenuhi syarat bagi mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia.